

15/11/1998

Polis lepas tembakan amaran

KUALA LUMPUR: Polis terpaksa melepaskan satu das tembakan amaran ke udara apabila sekumpulan penyokong Reformasi yang mengadakan perhimpunan haram berhampiran Masjid Jamek Kampung Baru, dekat sini, bertindak ganas dengan menyerang anggota polis.

Beberapa wartawan serta jurugambar yang membuat liputan turut menjadi sasaran kumpulan berkenaan apabila mereka diserang dan dipukul.

Perhimpunan haram itu bertukar menjadi rusuhan sejurus selepas solat Isyak, apabila penyokong Reformasi turut membakar gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan menuntut beliau meletakkan jawatan.

Mereka mula bertindak liar apabila cuba menangkap dan seterusnya mengejar beberapa orang yang mereka syaki anggota polis dari Cawangan Khas.

Seorang jurugambar Utusan Malaysia berusia 21 tahun cedera ringan selepas dipukul sekumpulan perusuh kerana menyangka dia adalah anggota polis dari Cawangan Khas.

Kejadian jam 9.15 malam itu berlaku selepas dia mengambil gambar penyokong Reformasi sedang mengejar polis sebelum diancam seorang lelaki yang mendakwa sebagai anak seorang pegawai polis, lalu menyerangnya.

Jurugambar itu hanya dibenar beredar apabila beberapa penyokong Reformasi mendapati dia bukan seorang anggota polis selepas memeriksa kad pengenalannya.

Wartawan itu kemudian membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Dang Wangi.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamaruddin Md Ali ketika ditemui di tempat kejadian berkata, keadaan di Kampung Baru kembali tenang selepas polis mengerahkan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) menyuraikan perusuh.

Beliau berkata, polis terpaksa bertindak demikian apabila kumpulan perusuh itu cuba berarak dari Masjid Kampung Baru ke persimpangan Jalan Raja Abdullah dan Jalan Sultan Ismail menuju ke sebuah hotel berdekatan.

Menurutnya, di antara 300 dan 400 penunjuk perasaan mula bertindak liar termasuk membakar dua motosikal di persimpangan itu termasuk satu daripadanya milik seorang anggota polis.

Katanya, polis pada mulanya hanya berkawal di kawasan Masjid Jamek itu kerana mendapati perhimpunan berkenaan berjalan secara aman.

"Bagaimanapun, apabila mereka mula menunjukkan sikap liar polis terpaksa bertindak," katanya.

Menjawab soalan, tembakan amaran ke udara yang dilepaskan awal malam tadi adalah oleh seorang anggota polis berpakaian biasa apabila orang ramai cuba menyerang polis yang bertugas di situ.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan dalam usaha melarikan diri beberapa butir peluru hidup milik anggota berkenaan tercicir.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu masih disiasat.

"Saya mengesahkan tiada anggota polis yang cedera dan tiada penahanan dibuat," katanya.

"Mereka seolah-olah mahu FRU bertindak menyuraikan mereka dan apabila keadaan mula menjadi tidak terkawal, kita terpaksa mengambil tindakan. Bagaimanapun, keadaan kembali tenang kira-kira jam 12.00 tengah malam," katanya.

(END)